


FAQ : PENANGGUHAN PELAJAR PULANG KE KAMPUS

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|------|---|---|
| 1. | Mengapa pelajar perlu menangguhkan kemasukan? | Pelajar perlu menangguhkan kemasukan demi kesejahteraan dan keselamatan pelajar jua. Pandemik COVID-19 menunjukkan peningkatan yang amat ketara dan boleh mendatangkan kesan terhadap kesihatan para pelajar. |
| 2. | Kenapa maklumat penangguhan lewat dihebahkan? | Pandemik COVID-19 adalah suatu yang tidak boleh dijangka. Sehubungan itu, sebarang pemakluman haruslah dilaksanakan berdasarkan situasi semasa seperti yang dinasihatkan oleh pihak kerajaan. |
| 3. | Bolehkah pelajar memohon untuk hadir secara fizikal di kampus? | Pelajar dinasihatkan untuk menangguhkan perjalanan sehingga keadaan kembali pulih. |
| 4. | Jika pelajar sudah berada di kampus/kolej dan telah mendaftar, apakah yang boleh dilakukan oleh pelajar dan ibu bapa? | Pelajar dibenarkan untuk mendaftar dan diberikan pilihan untuk kekal di kampus atau pulang ke kampung masing-masing. |
| 5. | Bagaimana dengan barang-barang peribadi jika pelajar hendak pulang ke rumah masing-masing? | Pelajar yang tinggal di kolej hendaklah mengosongkan bilik, membawa pulang semua barangan peribadi, mengisi borang meninggalkan kolej dan memulangkan kunci bilik kepada pihak pengurusan. <i>*Keselamatan barangan adalah tanggungjawab pelajar sendiri</i> |
| 6. | Adakah pelajar dibenarkan pulang selepas mendaftar? | Ibu bapa dibenarkan mengambil pelajar pulang ke rumah dengan mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh pihak MKN & UPSI. <i>*Bergantung kepada arahan semasa dari pihak Kerajaan.</i> |
| 7. | Adakah pelajar yang telah mendaftar/tiba di UPSI dibenarkan untuk kekal di kolej/kampus? | Ya. Pelajar juga diberikan pilihan untuk terus kekal di kolej/kampus dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. |
| 8. | Adakah penginapan di kolej masih terjamin apabila pelajar pulang ke kampung? | Ya. Bagi pelajar yang telah mendapat tempat di kolej, penginapan anda adalah terjamin sehingga akhir Semester 1 Sesi 2020/2021 ini. |
| 9. | Adakah pelajar lama perlu mendaftar secara bersemuka di UPSI pada 3 dan 4 Oktober 2020? | Tidak perlu. Proses pendaftaran pelajar lama boleh dilakukan secara dalam talian. |
| 10. | Bagaimana dengan pelajar yang tinggal di luar kampus? | Pelajar luar kampus yang telah tiba di Tanjong Malim dibenarkan menginap di rumah masing-masing dengan mematuhi SOP yang ditetapkan. Pelajar perlulah melaporkan keberadaan kepada pihak Unit Kediaman Luar Kampus di https://tinyurl.com/KEBERADAANSEP2020 |
| 11. | Bilakah tarikh pelajar dibenarkan pulang semula ke kampus? | Perkara ini bergantung kepada situasi semasa COVID-19 dan pengumuman dari pihak Kerajaan. |
| 12. | Apakah nombor yang boleh saya hubungi untuk pertanyaan lanjut? | Talian <i>Helpline</i> : 012-2095200 Talian <i>War Room</i> : 015-48797838 (Pejabat) |

FAQ: PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SEMESTER A201

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|------|---|--|
| 1. | Bila kuliah semester 1 sesi 2020/2021 akan bermula? Dan bagaimana pelaksanaannya? | Kuliah semester 1 sesi 2020/2021 akan bermula pada 5 Oktober 2020. Pelaksanaan pembelajaran adalah secara dalam talian. |
| 2. | Bagaimana dengan pelajar-pelajar yang tinggal di kawasan tiada liputan internet atau liputan internet lemah ingin mengikuti sesi pembelajaran mereka? | Pelajar yang menghadapi masalah liputan internet hendaklah menghubungi fakulti atau pensyarah. Pihak fakulti akan mencari jalan penyelesaian terbaik dan memastikan <i>no one left behind</i> dalam sesi pembelajaran semester ini. |
| 3. | Bagaimana dengan pelajar yang memerlukan pertemuan secara bersemuka bagi memenuhi keperluan kurikulum mereka? | Pelajar hendaklah menghubungi fakulti atau pensyarah untuk memaklumkan keperluan ini. Sekiranya proses PdP masih memerlukan pertemuan bersemuka, ia hendaklah mematuhi SOP yang telah ditetapkan. |
| 4. | Bagaimana jika jadual kuliah bertindih dengan kursus elektif? | Pelajar boleh menyusun semula kumpulan kursus mereka semasa minggu tambah gugur kursus yang bermula 5 hingga 18 Oktober 2020. Proses tersebut adalah sepenuhnya secara dalam talian. |
| 5. | Bolehlah saya bertemu dengan pensyarah secara bersemuka jika saya ingin mendapatkan penjelasan tentang sesuatu perkara berkaitan pengajian saya kerana saya sudah berada di dalam kampus atau berhampiran kampus? | Pelajar boleh menghubungi pensyarah melalui telefon terlebih dahulu. Sekiranya masih memerlukan untuk bersemuka dan dengan kebenaran pensyarah, pelajar boleh bersemuka dengan pensyarah. Pastikan pelajar mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan. |
| 6. | Saya sudah menamatkan pengajian di UPSI. Bolehkah saya datang ke kampus untuk mengambil transkrip penuh? Bilakah tarikh untuk saya datang dan bagaimana prosedurnya? | Pelajar boleh datang ke kampus dengan mematuhi arahan kerajaan dari semasa ke semasa dan SOP yang berkuatkuasa. Tarikh pengambilan transkrip boleh disemak melalui pautan https://emysis.upsi.edu.my/grads/index.html . |
| 7. | Saya sudah tamat pengajian di UPSI dan telah mendapatkan transkrip rasmi. Memandangkan tahun ini tiada Istiadat Konvokesyen yang akan berlaku, bolehkah saya mendapatkan skrol? Bagaimanakah prosedurnya? | Boleh, skrol awal boleh diambil selepas graduan mengisi Kajian Pengesanan Graduan secara atas talian 19 November 2020. Maklumat lanjut akan dikemaskini melalui laman web rasmi Istiadat Konvokesyen Universiti Pendidikan Sultan Idris dan sebarang pertanyaan lanjut boleh diemelkan kepada pengijazahan.bhea@upsi.edu.my . |
| 8. | Bagaimana jika ada pelajar yang tetap ingin balik ke kampus? | Sebaiknya tangguhkan dahulu perjalanan pulang ke kampus sepertimana saranan yang dikeluarkan oleh KPT. |
| 9. | Adakah pelajar Diploma Semester 1 dan lain-lain semester terlibat sama dengan arahan penangguhan ini? | Ya, arahan ini adalah meliputi semua pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. |
| 10. | Bagaimana cara untuk menghubungi BHEA untuk perkara-perkara berkaitan PdP? | Pelajar dan ibu bapa boleh menghubungi nombor hotline BHEA seperti berikut : 017-974 2538 |

FAQ : PUSAT LATIHAN MENGAJAR & INDUSTRI

| Bil | Soalan | Jawapan |
|-----|--|--|
| 1. | Adakah Latihan Mengajar diteruskan? | Ya. Latihan Mengajar dilaksanakan seperti yang dijadualkan. |
| 2. | Bagaimana dengan pelajar yang terlibat dengan Kawasan PKPDB? | Pelajar akan memulakan Latihan Mengajar selepas tamat tempoh PKPDB. |
| 3. | Bagaimana dengan pelajar yang terlibat dengan HSO? | Pelajar akan memulakan Latihan Mengajar selepas tamat tempoh HSO. |
| 4. | Bagaimana jika PKPDB dilaksanakan di seluruh negara? | Pelajar akan menyambung semula Latihan Mengajar selepas tamat tempoh PKPDB. Sekiranya tempoh PKPDB terlalu panjang, PULAMI akan mencadangkan suatu kaedah alternatif demi kebajikan para pelajar. |
| 5. | Siapakah yang perlu dihubungi untuk makluman berkaitan Latihan Mengajar? | <div style="border: 2px solid red; padding: 10px;">  <p>PULAMI UPSI HOTLINE:</p> <p>LM : 015-4879 7218 / 017-352 8155</p> <p>PPG : 015-4879 7218 / 017-352 8155</p> <p>LI/IK : 015-4879 7219 / 019-393 2512</p> <p>Admin : 015-4879 7214 / 7210</p> <p>Pengarah : 015-4879 7212 / 012-788 0166</p> <p>Email : plmi@upsi.edu.my</p> </div> |